Cuba ia-lah sebuah Negeri yang kaya raya, dengan hasil² mentah, dan pengeluaran barang² dagangannya. Baru² ini suatu masalah besar yang telah menimbulkan kerunchingan dunia telah berlaku di Cuba, dimana Amerika Sharikat telah menudoh Cuba membiarkan Russia dan China mempengaruhi Negerinya. Tudohan ini timbul berpuncha dari sikap Cuba melakukan pencherobohan terhadap ekonomi dan gangguan ketenteraan di-Negeri² yang berjiran. Pihak Amerika Sharikat nampaknya tidak mahu berganjak dengan sikapnya, untuk mengawal hak²nya yang berada di Cuba, manakala Cuba pula nampaknya telah bertindak tegas menjadikan harta kapitalis² Amerika untuk milik kerajaan

Cuba. Dr Castro sendiri selaku Perdana Menteri Cuba baru² ini telah memberi tahu kepada perhimpunan rakyat Cuba dalam Kongres Pemuda Latin Amerika, yang berjumlah 40 ribu orang itu, bahawa Kerajaannya telah menjadikan harta kapitalis² Amerika sebagai milik Negara Cuba, harta² itu yang berharga \$2,739 juta, sebagai modal² Amerika sharikat di-Cuba. Peristiwa yang menggemparkan ini, telah berlaku tatakala dunia sekarang ini sedang berada didalam suasana kegentingan antara timur dan barat. Dan peri adanya amaran dari pihak Amerika kepada kerajaan Cuba,

tentang komunis China dan Russia, hendak mempengaruhi Cuba memasoki blok² mereka, ini sudah chukup terang kepada kita, bahawa Amerika nampaknya merasa takut, dan waspada terhadap kedudokkannya dimasa ini. Lebeh² lagi apakala Dr Castro telah berterang² mengatakan bahawa kerajaannya akan bertindak tegas untuk menentang champor tangan Amerika Sharikat dalam hal ehwal rumah tangga Cuba sendiri dengan menggunakan kekuatan tentera.

Maskipun masalah Cuba dan Amerika sharikat itu maseh lagi merupakan



"Faham socialisem tidak akan dapat diterima atau berkembang biak di Singapura, selagi rakyat Negeri ini lebeh dulu tidak mempunyai kesadaran Kebangsaan." Demikian kata Dato' Hamid Ketua UMNO Singapura dalam Dewan perhimpunan Undangan Singapura baru² ini. Pada pendapat Banting pula begini, "Bahawa faham Kebangsaan yang diperjuangkan oleh Dato' itu tidak akan dapat hidup, apa lagi untuk berkembang biak, maskipun didalam partainya sendiri."

Nama S. Rajaratnam menuduh sdr Ong Eng Guan hendak memecah belahkan perpaduan didalam Petir, kata nana itu lagi sdr Ong telah menjalankan jarum untuk memecah belahkan Jema'ah Menteri, Setiausaha² Parlemen, ahli² Majlis Undangan Petir dan sidang kader pa tai itu. Nasib baik hal ini telah lekas² disadari oleh nana Ratnam, kalau tidak tentu sekali Nana dan kunchu²nya akan kehilangan kerusi empok dalam majlis undangan.

Sdr Lee Kuan Yew menudoh ke pada partai² kiri di Negeri ini hendak menchari kesempatan menanggok di ayer keroh. Banting fikir tektik se macham ini pernah juga dilakukan oleh sdr Lee sebelum menjadi Perdana Menteri dulu.

Baba Lee Kuan Yew berkata lagi bahawa sekarang ada anasir² komunis yang chuba hendak meruntuhkan kerajaan diNegeri ini, oh! rupanya baru sekarang baba Lee sadar hal ini, dan bagai mana pula halnya tentang sikap Non komunis yang dilaong²kan oleh baba Lee didalam partainya? Banting suka hendak mendengar pula baba Lee mengeluarkan kenyataan rasmi selaku Setiausaha Agong Petir, bahawa partainya benar² anti komunis. Kalau demikian barulah akur.

Sdr C. H. Koh anggota bebas kawasan Joo Chiat telah mula membuka mulutnya dalam majlis undangan baru² ini. Banting dapat tahu semenjak beliau dipileh sabagai ahli Dewan itu, barulah kali ini Banting dengar suaranya, boleh jadi sdr Koh baru bangun tidur.


Dewan Rakyat Kerajaan P.T.M. telah meluluskan bayaran penchen se banyak \$1,500 dan allowance \$350 sa bulan kepada Tunku Puan Besar Kur siah, balu kepada al-marhum Tunku Abdul Rahman, bekas Yang dipertuan Agong. Oh! Malaya Negeri yang kaya raya, berbaktilah kamu kepada raja².

Berkata tuan Syed Nasir orang² Arab (syed²) ia-lah orang² Melayu, mereka itu adalah orang² Melayu dan berasa bangga kerana mereka itu Melayu.

Bagus bib, istilah ini memang baik, tapi bagaimana kalau Shariffah² kahwin dengan pemuda² Melayu? Apa syed² tadi berasa bangga juga?

Banting.

Singapura tanggal 15.8.60.



"Perdamaian Bikinan Amerika"

suatu masalah yang belum habis, yang mana sekarang ini adalah didalam perundingan diantara kedua² pihak, namun begitu masalah ini ialah suatu masalah besar, yang boleh menimbulkan lagi suasana kerunchingan dunia pada masa ini. Selagi kejujuran belum terchapai, maka selagi itulah masalah ini, akan menyetuskan api permusohan dan kekerohan. Sebagai mana yang telah dikatakan tadi bahawa masalah dunia kian hari kian bertambah genting, maka masalah Cuba ini juga adalah merupakan suatu masalah dunia yang perlu mendapat penyelesaian yang segera dengan chara yang aman damai.

Amerika Sharikat atau pun Cuba masing² nampaknya sedang menchari jalan keluar untuk mendapatkan penyelesaian yang boleh mendatangkan kepuasan antara keduanya, tetapi oleh kerana masalah ini telah menjadi begitu genting, maka nampaknya sukar sekali masalah kedua² Negara² itu dapat diselesaikan dengan segera, malah kini apa yang ditakuti oleh pihak Amerika sharikat ia-lah champur tangan dari blok² Komunis itu. Mengennai dengan masalah ini pihak Amerika sharikat telah mengantarkan suatu Memorandum yang mengandungi 78 muka tebalnya, telah disampaikan kepada pihak Jawatan kuasa keamanan dalam pertubohan Negara² Amerika yang terdiri dari 21 buah Negeri. Memorandum ini merupakan suatu tudohan yang berat sekali keatas Cuba. Didalam perundingan² yang akan datang antara kedua² pihak itu, akan merupakan suatu langkah kearah penyelesaian yang dichita²kan mungkin akan terchapai, dalam pada itu marilah kita sama² mengikuti perkembangan seterusnya, tetapi, nyatalah kepada kita bahawa pengaruh Amerika selama ini di Cuba telah hilang, dan mungkin terus hilang untuk selamanya.

Oleh: M. N. Yahya

Berita² Partai Rakyat Negeri Singapura

a) 1. Maulud Nabi

Partai Rakyat Negeri Singapura akan turut mengambil bahagian dalam menyambut dan merayakan Hari Keputeraan Nabi Besar S.A.W. pada 3/9/60 yad. Perayaan kali ini dirayakan oleh Partai Rakyat dengan chara besar-besaran. Selain dari seluruh Ranting Partai Rakyat Negeri Singapura yang akan mengambil bahagian, anggota² Tionghua juga akan turut sama dalam perayaan itu. Ketua 1 Partai Rakyat, Sdr Harun Mohd. Amin akan mengetuai perarakkan tersebut.

b) Satu majlis jamuan makan tengah hari dan majlis sharahan tentang keputeraan Nabi Mohd S.A.W. akan diadakan di Pejabat Partai Rakyat, No. 31, Lorong 32, Geylang Road, pada hari Ahad, tanggal 4hb Aug '60, jam 12.00 tengahhari. Pensharah yang telah dijadwalkan untuk memberikan sharahan itu ialah sdr A. Salam Ayob. Majlis tersebut terbuka bukan saja kepada anggota², bahkan kepada sesiapa saja yang ingin turut serta dalam majlis perjumpaan itu. Sharat² untuk hadir ialah dikenakan bayaran \$2.00 tiap seorang untuk jamuan makan nasi beriani. Kepada yang ingin hadir silalah berhubung dengan Setiausaha Perjumpaan sdr M. N. Yahya atau sdr Wahab Shah di Pejabat Partai, tidak liwat daripada 31hb Aug. '60.

2. Melawat Ranting

Ketua Organisasi Partai Rakyat Negeri Singapura, sdr Pang Toon Tin

dan sdr A. Salam Ayob — Ketua Penerangan — dan anggota Dewan Harian Negeri lainnya telah mengadakan lawatan kebeberapa buah Ranting di Singapura, guna menyusun organisasi Rtg agar lebih rapi dan menggerakkan seluruh Rtg. di Singapura ini. Disamping itu penerangan² telah juga diberikan oleh Ketua Penerangan terhadap aktivitet. Partai dan taktik perjuangan buat menghadapi masa² yang akan datang.

Diantara Rtg² yang telah dilawati ialah: Rtg Aljuneid, Rtg Serangoon, Rtg Coronation, Rtg Bukit Panjang, Rtg Tempinis dan Rtg Darat Nenas.

3. Derma Kebakaran

Partai Rakyat telah menghantar tiga orang wakil ketempat kebakaran di Kampong Potong Pasir, Serangoon, pada 1hb Aug '60 yang baru lalu. Dan telah membantu dengannya sebanyak \$50.00 kepada seorang perempuan tua Melayu, Masnik Bte Aliden yang terlantar, yang sehingga hari ini tidak ada sebuah pertubuhan atau badan² kebajikan Melayu yang mengambil tau tentang penderitaan itu.

Manik hingga hari ini menggantung nasibnya kepada orang² yang bersimpati dikampong tersebut. Masnik hidup sebatang karah dan tidak mempunyai seorang keluarga pun di Singapura ini. Barang² yang dapat diselamatkannya waktu kebakaran itu ialah sehelai kain dan sehelai baju yang terlekat dipinggang.



P. R. dan Kerajaan Singapura

Pada dewasa ini, ada sebilangan orang menganggap bahawa negeri Singapura sudah berkerajaan sendiri dalam erti yang sebenarnya, mereka mengatakan bahawa perjuangan perlembagaan telah mendapat kemenangan yang ta' ada taranya, se-akan² telah mabok kemenangan, bahkan ada pula yang berteriak-teriak: "Kita telah terluput daripada belunggu penjajahan, nah, marilah kita bersama-sama mendirikan tanah ayer kita!" Memang sudah tidak boleh dinafikan bahawa negara Singapura telah mendapat kedudukan yang baru dalam perbaikan perlembagaan yang telah direncanakan oleh kerajaan Inggeris, disamping itu kerajaan Singapura memang juga telah mendapat kejayaan yang tertentu. Akan tetapi jika kita berteriak-teriak pada masa ini bahawa kita telah luput daripada belunggu penjajahan atau berseru kepada rakyat agar supaya mereka bersama-sama mendirikan tanah ayer, maka kami kira maseh agak kepagian.

Kedudukan Negeri Singapura Yang Sebenarnya

Dalam perlembagaan otonomi ini telah menegaskan bahawa Singapura masih kepunyaan Inggeris. Kerajaan Inggeris boleh meminta sesuatu tempat yang mana saja untuk mendirikan pangkalan militer. Ratu Inggeris ada hak yang penuh untuk merubah, menambah bahkan menggantung perlembagaan yang ada ini. Sedang keselamatan rakyat Singapura mesti dalam perlindungan tentara Inggeris, dan dalam urusan luar negeri, kerajaan Singapura tidak mempunyai hak untuk berchakap diinternasional. Menteri² Singapura masih tetap dikuasai oleh Dewan keselamatan dalam negeri, walau pun mereka berkuasa dalam soal administrasi dalam yang tertentu. Perlu diterangkan disini bahawa Dewan tersebut terdiri daripada tiga orang wakil daripada kerajaan Inggeris, tiga orang wakil daripada kerajaan Singapura dan seorang wakil daripada Persekutuan Tanah Melayu. Dalam keadaan yang sedemikian rupa, hak² kerajaan Singapura sebetulnya sudah berkurang, maka ada kemungkinan bahawa kerajaan Singapura hanya berkuasa dalam administrasi dalam negeri saja. Sedang polisi² yang mustahak tetap dipegang oleh penjajah Inggeris dan P.T.M. Nah, chobalah renungkan sekejap, bolehkah keadaan yang semacam ini disebut "sudah luput daripada belunggu penjajahan"? padahal kerajaan yang dipilih oleh rakyat itu sebetulnya ta' mempunyai kekuasaan penuh, dan mana boleh dikatakan bahawa kerajaan tersebut adalah kerajaan rakyat yang penuh?!

Dalam keadaan yang sedemikian rupa, maka kita hanya boleh mengatakan Meshuarat undangan ini ialah Meshuarat undangan kolonial yang dipilih oleh rakyat, sudah barang tentu ia mewakili sebahagian kemahuan rakyat. Sudah menjadi kenyataan bahawa partai yang tidak dapat sokongan daripada rakyat maka ianya akan rubuh dan ta' mungkin berkuasa. Akan tetapi kerana meshuarat dan kerajaan masih dipengaruhi oleh kolonial, maka apa² yang dilakukan olehnya neschaya tidak berlawanan dengan kemahuan kolonialis. Sudah barang tentu jika kerajaan yang demikian tidak dapat memuaskan kehendak rakyat jelata. Seandainya jika mereka hendak memuaskan

kan kemahuan rakyat dengan sungguh², maka krisis perlembagaan serta-merta saja terbit. Rakyat jelata mengemukakan permintaan yang lebih lanjut, dan kolonialis akhirnya terpaksa mengambil dua buah jalan: Yang pertama ialah menindis dan kedua adalah bertolak ansur. Pada dewasa ini, perlembagaan Singapura walaupun dapat bertahan, tetapi umurnya tidak boleh lama. Kolonialis bertujuan hendak mempertahankan kedudukan mereka, agar supaya dapat menguasai Singapura dan P.T.M. dengan selamalamanya, maka mereka mempergunakan partai chorak kanan yang ada di Persekutuan dan hendak menchuba memberi pengaruh kepada Singapura. Akan tetapi mereka tidak mahu menchantumkan kedua daratan ini, dengan jalan inilah maka kolonialis baru boleh memegang kekuasaan Singapura dengan tegoh.

Pandangan Kami Tentang Perlembagaan Dan Kerajaan Singapura

Partai Rakyat menganggap bahawa perlembagaan Otonomi tidak memuaskan kemahuan rakyat, oleh sebab itulah perlembagaan ini hanya boleh untuk sementara saja. Perlembagaan Otonomi telah membataskan kemerdekaan rakyat Singapura, sehingga kita tidak semata-mata terikat oleh kolonialis Inggeris, akan tetapi juga sentiasa dibawah pengaruh P.T.M. Tidaklah berlebih-lebihan jika kami katakan bahawa kerajaan Singapura adalah alat daripada kerajaan P.T.M.

Sebagai diketahui umum bahawa P.T.M. adalah dalam genggamannya partai yang mewakili feodalis dan petualang² yang gila kehormatan, dan keadaan ini tentu berpengaruh yang sangat besar kepada negeri Singapura. Partai Rakyat merasa bahawa kita tidak boleh menutupi kepinchangan dan kekurangan ini, melainkan mesti membentangkan segala keburukan dan dosa² perlembagaan ini, supaya orang ramai insaf akan kechurangan perlembagaan tersebut. Kolonialis yang lichen itu tidak mungkin mengabulkan sesuatu permintaan yang tidak ada rakyat jelata sebagai penyokong. Kami tidak setuju jika ada orang yang berpendapat bahawa "Kami telah luput daripada belunggu Penjajahan" atau "Marilah kita bersama-sama mendirikan tanah ayer kita". Oleh kerana berlaku demikian semata-mata mengachaukan pikiran dan kesedaran rakyat saja.

Dan bagaimanakah pandangan kami terhadap kerajaan Singapura? Kaim kira inilah masanya yang tepat untuk menjelaskannya.

Pada dewasa ini kerajaan Singapura adalah dikuasai oleh partai Petir yang mengatakan bahawa diri mereka berchorak kiri. Partai Petir memang telah melakukan perjuangan kepada kolonial pada masa yang lepas, dan perjuangan itu disebabkan oleh sokongan rakyat yang bersifat kiri. Kini partai tersebut mendapat kekuasaan. Dan ia telah menerima perlembagaan otonomi. Perlembagaan ini telah menimbulkan akibat² yang telah kami ulaskan diatas tadi. Chuba bayangkanlah sejenak: Partai Petir sebagai partai yang anti kolonial dan berjuang untuk demokrasi, kini telah menerima perlembagaan tersebut, maka apakah yang terjadi pada hari hadapan? Syarat² yang sangat banyak itu boleh jadi menyebabkan ianya membuang faham sosialis iaitu mengubah pendiriannya se-

hingga merugikan rakyat serta pergerakan Sosialism. Jikalau demikian apakah mereka masih berkhidmat kepada rakyat dan masyarakat? pertanyaan ini hanya mereka sendiri yang dapat menjawabnya.

Undang² Keselamatan Umum

Disini kami hendak membinchangkan pendirian Partai Petir terhadap undang² keselamatan umum. Masalah tentang undang² keselamatan umum mungkin akan jadi inti soal daripada masalah politik dinegeri kita. Partai Petir sudah menyatakan bahawa ianya tidak setuju dengan undang² darurat, ianya mahu demokrasi. Oleh kerana chogan inilah maka Partai Petir dapat sokongan rakyat. Seketika Marshall berniat hendak menggantikan undang² darurat dengan undang² keselamatan, maka ianya telah mendapat pukulan yang sangat hebat daripada Partai Petir. Akan tetapi sesudah Partai Petir berkuasa, maka berubahlah pandangan mereka terhadap, undang² keselamatan umum. "Anak Pungut" yang diterima oleh Marshall daripada tangan kolonialis maka dipelihara semula oleh Partai Petir, bahkan dihias dan disolek. Sudah barang tentu jika undang² keselamatan diluluskan dimeshuarat oleh kerana kolonialis dan P.T.M. masih menguasai administrasi Singapura.

Sikap Partai Petir terhadap ini adalah: Jika P.T.M. masih ada pepengangan, undang² Darurat dan sebagainya, maka negeri Singapura mesti melayani kepentingan P.T.M. dan undang² keselamatan masih tidak boleh dihapuskan dulu. Pada 8 hb. Oktober 1958 Sdra Lee Kwan Yew pernah berkata demikian dalam sebuah meshuarat undangan: "Kita telah mengaku bahawa perchantuman adalah tujuan kita yang teragong, maka kita juga mesti mengakui bahawa kepentingan kerajaan P.T.M. lebih besar daripada kepentingan kerajaan Singapura.....Partai Kami adalah partai yang berchorak kiri, tetapi Tengku mengatakan bahawa UMNO adalah partai bersifat kanan. Barang kali pandangan mereka berlainan dengan kami, akan tetapi pendapat dan kehendak mereka akan kami utamakan dan pertimbangkan terlebih dahulu.....Sedang mengenai soal undang² darurat, maka kami berpendirian bagini: Jikalau P.T.M. masih menjalankan undang² darurat untuk keamanan negeri, maka kami pun turut juga.

Dari itu maka taulah kita bahawa sikap Partai Petir yang sebenarnya. Sikap ini sepadan dengan perlembagaan Otonomi. Tetapi yang kami mesti renongkan ialah sikap ini akan membawa pengaruh yang sangat besar kepada Partai yang pernah anti kolonialis dan membela demokrasi.

Singapura kini masih merupakan sebuah negeri jajahan, maka berchantum dengan P.T.M. adalah jalan satu²nya untuk mendapat kemerdekaan. Oleh kerana itu maka mengutamakan kepentingan P.T.M. sudah semestinya. Tetapi menurut keadaan sekarang, maka insafilah kita bahawa partai Petir bukan mengutamakan pendapat kerajaan P.T.M. melainkan kehendak Feodalis dan petualang². Ini bererti "Kiri" tunduk kepada "kanan". Sudah barang tentu ia akan kehilangan sifat yang sejati. Peristiwa² yang telah terjadi sudah membuktikan kenyataan ini. Oleh kerana itu maka nampaklah kita akan

tahanan politik yang ditangkap oleh kerajaan Lim Yew Hock sampai kini masih belum dibicarakan juga, sedang kerajaan Singapura juga menangkap dua orang mahasiswa Nanyang atas permintaan kerajaan P.T.M. Apakah peristiwa yang semacam ini akan berlaku terus? apakah gerangan kesan manusia akan pendirian Partai Petir? Apakah kesan rakyat Malaya kepadanya?

Baru² ini P.T.M. telah menamatkan undang² darurat, dan akan diganti dengan "Undang² Keselamatan Dalam Negara" yang lebih keras dan tidak berbatas pula masanya. Pada masa yang lepas Kerajaan Singapura telah menyatakan bahawa jika P.T.M. menjalankan undang² darurat, maka Singapura pun akan mengikutinya pula. Kini dasar ini tentu sudah berubah, setakat ini P.T.M. telah mengumumkan Undang Keselamatan Dalam Negara yang tidak berbatas masanya, maka kerajaan Singapura rupanya lebih bijak sedikit, ianya telah memanjangkan masa berlakunya "Undang² Keselamatan Umum" selama lima tahun. Akan tetapi orang ramai telah mengetahui bahawa P.T.M. kini dalam perjuangan antara kiri dan kanan, Partai kanan berusaha menchuba membatasi dan menindis segala yang berlawanan dengan niat mereka. Maka apakah polisi daripada kerajaan Singapura sesuai dengan kerajaan Persekutuan, ini masih merupakan sebuah tanda tanya. Ada orang yang mengatakan bahawa di-Malaya hanya ada dua partai, iaitu Partai UMNO daripada Persekutuan dan Partai Petir daripada Negeri Singapura. Sangka kami ini tidak boleh jadi, jika tidak melakukannya dengan chara dictatorial.

Masalah Pergerakan Buruh

Sosialism ta' boleh dipisahkan dengan pergerakan Buruh. Sebagai sebuah partai Sosialism, maka tidaklah mengherankan jika kami menyokong Pergerakan Buruh. Pergerakan Sosialism sebetulnya ialah pergerakan buruh, tugasnya yang terutama adalah membentuk sebuah masyarakat yang adil dan makmur. Perkembangan sejarah telah menentukan bahawa Sosialism neschaya timbul. Tenaga pergerakan Sosialism terdapat dari pada kelas buruh, tanpa kelas buruh atau terasing daripada chita² kelas buruh, maka pergerakan ini pasti tidak berhasil.

Pergerakan buruh diSingapura memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan sejarah Singapura, tenaga buruh telah menjadi suatu dorongan dalam perjuangan kemerdekaan. Tradisi yang baik ini dapat kita saksikan pada persidangan yang diadakan pada Hari Buruh, mereka telah bersumpah: Kelas buruh Singapura akan menyokong pergerakan Sosialism dan anti kolonial dengan lebih lanjut.

Memang kelas buruh berjuang untuk perbaikan kehidupan buruh serta membela kedaulatan mereka, kerajaan Singapura telah pun mengemukakan bahawa buruh mesti bersatupadu dan pergerakan buruh mesti diperkuat, oleh kerana bantuan dan dorongan kerajaan maka timbunan beberapa gabungan. Kesatuan Buruh, akan tetapi menyesal sekali baru² ini Empat gabungan Kesatuan Buruh telah digantung pendafatarannya. Tindakan² kerajaan Singapura terhadap pergerakan buruh sangsi (Lihat Muka 4)

Penderitaan dikalangan kaum Marhaen

Oleh: Abdullah Rezali

Mengapakah kaum marhaen ini miskin?

Menurut penyiasatan seorang ahli ekonomi disini, bahwa kemiskinan itu disebabkan oleh beberapa perkara. Diantaranya ialah TERTINDAS dan TERBIAR.

Penindasan terhadap kaum marhaen sudah lama dirasakan oleh rakyat itu sendiri dan banyak pula para pemimpin yang benar² jujur membela nasib mereka telah sekian lama berusaha untuk mengatasinya.

Penindasan yang telah kita ketahwi umumnya ialah datangnya dari kaum modal tegasnya kaum kapitalis. Kerjanya kaum kapitalis ini semata-mata memeras dan menindas kaum² buruh, nelayan dan tani. Chara yang digunakan oleh kapitalis itu bermacam-macam. Sebagai misalan kita ambil sahaja chara yang digunakan terhadap kaum tani dan nelayan. Kaum buruh rasanya tak payahlah diperkatakan disini, sebab kaum kapitalis dapat menindas sechารา lansung terhadap kaum buruh tadi.

Biasanya kaum kapitalis itu memberi pinjaman dan memberi alat² pengeluaran kepada kaum² tani dan nelayan, yang mana nanti segala hasil pengeluaran dan tangkapan hendaklah dijual menerusi sipemodal² tadi. Dengan

jalan inilah kaum kapitalis dapat menindas kaum² tani, nelayan dengan menetapkan harga pengeluaran itu dengan sesuka hatinya. Dan dengan jalan memberi pinjaman itu juga menyebabkan tanah² yang pada mulanya dipunyai kaum tani itu dengan sendiri boleh bertukar tangan kepada sikapitalis.

Sharikat Kerja Sama

Untuk mengatasi soal² ini, telah banyak pula rancangan yang dikemukakan oleh para penyelidik, seperti mengadakan sharikat kerja sama. Sharikat kerja sama untuk membeli barang pengeluaran misalnya, sharikat kerja sama untuk membeli hasil² penangkapan dan seumpamanya. Juga memberi pinjaman modal guna membeli alat² penangkapan dan pertanian, yang mana pinjaman itu nanti dibayar pula dengan chara beransur-ansur.

Chara ini memang baik sekali, tapi dapatkah dijalankan dalam negara seperti Tanah Melayu ini? Adakah dengan mengadakan sharikat kerja sama itu kaum kapitalis akan terhapus? Saya perchaya untuk mengadakan sharikat kerja sama dinegara kita ini, itu bukanlah soal pokoknya. Ini bukan pula saya tidak menyetujui sharikat kerja sama itu. Badan itu sebagai mana yang saya katakan tadi me-

mang baik, amat baik sekali. Tetapi dapatkah atau suburkah hidupnya sharikat itu nanti dalam negara yang masih memberi kebebasan malahan melindungi liberilisme itu. Liberalisme sem dibela dan diberikan perlindungan dengan sebaik-baiknya.

Jadi dalam usaha menubuhkan sharikat kerja sama, untuk menghapuskan kaum kapitalis, itu adalah satu usaha yang tidak dapat dipandang baik malahan satu usaha yang hanya membuang masa sahaja. Sebab pihak yang mengadakan sharikat itu adalah dari pihak yang terbiar, yang tidak dapat perlindungan. Sharikat itu nanti selamanya tidak akan dapat menandingi kaum kapitalis, sebab kaum kapitalis itu tidak kurang pentingnya peranan yang dipegang olehnya didalam urusan pemerintahan. Dari itu menentang kaum kapitalis berarti menentang pemerintah.

Milik Negara

Sharikat kerja sama hanya dapat hidup dan subur hidupnya, sekiranya pemerintah memiliki negarakan segala segala perusahaan dinegeri kita ini. Karena dengan jalan itu pertandingan tidak ada sama sekali. Jadi tugas utama untuk menghapuskan tindasan dikalangan kaum marhaen tadi, ialah mendesak kerajaan supaya memiliki negarakan segala perusahaan dari sekecil-kecilnya hingga sebesar-besarnya.

Tapi dapatkah pemerintah berbuat demikian? Sudah barang tentu soal memiliki negarakan sebarang perusahaan di Malaya ini, tidak akan digemari golongan manusia berkepentingan yang hanya semata-mata mementingkan diri sendiri. Bukan usaha ini tidak baik pada pendapatan mereka, tapi mereka beranggapan tidak akan menjadi jaminan buat kedudukan dan kesenangan mereka. Memang banyak dari mereka yang ingin perubahan ke arah kebaikan buat rakyat marhaen, tapi kedudukan dan kesenangan mereka jangan sampai terganggu. Dari itu kita tidak hairan pihak yang berkepentingan tadi lebih suka menghendaki perubahan sechารา berdikit-

dikit dan sechารา tukaran tempat di lapisan atas saja, yang hanya boleh membaiki kedudukan sendiri. Jadi boleh tidaknya perubahan ini, yaitu memiliki negarakan segala perusahaan dari sekarang diadakan di Malaya ini — dari masyarakat kapitalis-feudalis kemasyarakat sosialis, bukanlah soal mereka, dan tak usahlah hendaknya soal itu diserahkan kepada mereka.

Tugas Rakyat Marhaen

Sekiranya soal ini tidak boleh diserahkan kepada mereka, kepada siapa kah soal ini boleh diserahkan? Jawabnya mudah sahaja, iaitu soal membuang belunggu ditengku kaum marhaen itu adalah kaum marhaen itu sendiri. Itu pokoknya. Tugas ini adalah tugas rakyat membentuk dan menchipta sebuah pemerintah yang betul² sanggup dan mahu menghapuskan tin-dasan dan kemiskinan. Rakyat harus tegas dalam soal ini, dan tak usah ragu² dan takut untuk kehilangan apa², yang hilang nanti ialah rantai yang selama ini mengikat kita. Dan kita harus mengerti betul² bahwa selagi sistem kapitalis itu masih berlaku, selama proses perusahaan sekarang ini terus menerus berlaku dengan tidak merubah sendiri-pasaknya, maka selama itulah rakyat marhaen tadi akan tetap tinggal melarat, dan selama itu pula tidak akan mendapat hidup senang. Biar bagai mana pun agongnya nama² yang diberikan kepada title² negara dengan bangunan² yang indah, dengan nama negara itu, negara ini dan 1001 nama negara yang molok², namun sistem kapitalis juga yang masih kita lakukan, artinya selama sumber² kekayaan masyarakat, segala alat² perusahaan lainnya yang mempunyai pengaruh penting dalam ekonomi rakyat kita, masih dibolot oleh sesaorng ataupun segerombolan pemilik, pendek kata selama perusahaan tidak dijadikan milik masyarakat itu sendiri, milik collective atau milik bersama, guna keperluan rakyat banyak, perchayalah, selama itu pula segala harta kekayaan dan modal akan tetap tinggal mengalir kekantong golongan tadi.

Partai Rakyat Dan Kerajaan Singapura (Dari Muka 3)

dan ragu² saja, Kesatuan Buruh pun telah memberi kritikan atas tindakan ini, Partai Rakyat sebagai partai Sosialism, sudah barang tentu memerhatikan soal² buruh.

Polisi² Lain

Selain dari itu, kami hendak mengemukakan pendapat kami atas beberapa perkara lain. Kami mengerti bahawa kerajaan telah dibatasi oleh perlembagaan Otonomi, akan tetapi jika hendak menjadi sesuatu partai yang progressive, maka mestilah bertugas memperbaiki keadaan yang kurang sempurna. Kami tidak setuju akan sikap kerajaan terhadap memberantas kebudayaan chabul dan judi² dengan negetif. Terutama tentang pengumumannya "Undang² Judi" yang telah meresmikan bahawa berjudi itu sah. Kami berharap kerajaan Singapura akan mempertimbangkannya semula, janganlah sekali² berbuat sesuatu kesalahan yang sebetulnya boleh dielakkan. Jagalah semangat rakyat yang berkobar-kobar. Disamping itu kami pun merasa bahawa usul² yang dikemukakan oleh kawasan Hong Lim, selain sebahagian kecil adalah usul² mengenai organisasi partai, yang lain adalah memang kritikan² yang membangun. Atas usul tersebut, Partai kami telah pun memberi sokongan.

Dasar² Pokok

Partai Rakyat sentiasa berjuang untuk kemerdekaan rakyat. Maka itu kami akan terus berjuang untuk ini sampai chita² rakyat terlaksana. Kini kerajaan Singapura bukan berkerajaan sendiri dalam erti yang sebenarnya, ini

belum memuaskan kehendak rakyat jelata. Sesuatu kerajaan tidaklah boleh menjadi alat penjajah, melainkan menjadi penjaga kepentingan rakyat. Menurut keterangan Kerajaan Singapura akan berunding dengan kerajaan Inggeris khusus tentang perlembagaan pada tahun 1963. Walau pun tahun apa, perundingan tersebut tentu akan diadakan. Partai Rakyat sentiasa menyokong kemerdekaan tanah ayer, supaya tanah ayer kita boleh makmur, jaya dan mendapat kemerdekaan seratus peratus. Maka sikap kami terhadap kerajaan Singapura akan ditentukan oleh soal² yang tersebut dibawah ini:

1. Apakah kerajaan akan terus anti kolonial dan berjuang untuk kemerdekaan negara dan melaksanakan masyarakat Sosialism.

2. Partai Rakyat Malaya adalah sebahagian daripada Front Sosialis Malaya. Oleh kerana itu sikap Front Sosialis terhadap kerajaan Singapura adalah sikap dasar kami.

3. Partai Rakyat akan menyokong polisi² kerajaan Singapura yang berfaedah kepada rakyat, akan tetapi akan mengeritik polisi² yang bertentangan dengan dasar demokrasi.

Sebagai suatu tenaga Sosialis, kami hendak menegaskan disini bahawa mengasingkan diri sendiri daripada pergerakan progressive itu adalah kesalahan yang besar, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu walau pun dipisahkan oleh kolonialis sehingga menjadi dua, akan tetapi perjuangan Sosialism adalah satu!

Tenaga Sosialism mesti menyokong tenaga Sosialism.

MALAM ANEKA RAGAM

Anjuran P.R. Ranting K.L.

Satu Malam Aneka Ragam yang dianjurkan oleh Partai Rakyat Ranting Kuala Lumpur akan diadakan pada 20hb. Aug. 60 jam 8.00. Aneka Ragam itu diadakan DiStadium Chin Ho Kuala Lumpur. Berbagai² pertunjukkan akan ditunjukkan pada malam tersebut, diantaranya termasuk tarian² Melayu dan Seni Panchak Silat.

Selain dari itu banyak pertunjuk-

an yang menarik hati seperti tarian², nyanyian, sendewara dan lawak jenaka.

Yang mengambil bahagian pada malam tersebut selain dari anggota² Partai Rakyat Kuala Lumpur ranting² lain juga turut mengambil bahagian. Dijangka pertunjukkan ini adalah yang paling meriah sekali kerana pertunjukkan yang sebesar ini belum pernah diadakan dibandar K. L.



Salah satu tarian yaitu "Tarian Buluh" yang mashur dikalangan orang²

Tionghua akan juga ditunjukkan pada malam itu.